

Pentadbiran jabatan dikaji

UM 3 0 OCT 2001

Oleh YUSRI SAHAT dan
MARHAINI KAMARUDDIN

KUALA LUMPUR 29 Okt. — Kerajaan akan mengkaji semula sistem pentadbiran di beberapa jabatan dan agensinya supaya penguatkuasaan terhadap pencerobohan tanah rizab Melayu yang semakin serius di seluruh negara dapat dilakukan dengan lebih berkesan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, ketidakseragaman sistem pentadbiran jabatan dan agensi terbabit menyebabkan tidak ada sistem pemantauan yang berkesan terhadap pencerobohan itu.

“Kadang-kadang satu pembangunan yang haram naik, pegawai lain tidak tahu pegawai mana yang bertanggungjawab (meluluskannya).”

“Dengan itu pegawai berkenaan ingat dah dapat kelulusan, yang lain senyap sahajalah. Lepas itu, bila kita periksa, baru kita tahu (ada pencerobohan),” katanya.

Reka bentuk

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Persatuan Air Antarabangsa (IWA) Mengenai Air dan Sisa Air Bagi Negara-Negara Sedang Membangun di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), hari ini.

Beliau mengulas beberapa kes pencerobohan tanah rizab Melayu di beberapa kawasan termasuk di Taman Harmonis, Selayang.

Pada 17 Oktober lalu, *Utusan* mendedahkan sekumpulan warga Indonesia menceroboh tanah rizab Melayu dengan membina perkampungan rumah mewah secara haram di kawasan seluas satu hektar di taman perumahan terbabit.

Sebanyak 44 unit rumah teres dua tingkat selain 20 rumah mewah dibina di kawasan itu dan telah diduduki sejak setahun lalu.

Terletak di kawasan berbukit, rumah-rumah di situ mempunyai reka bentuk dan saiz yang sama dan dilengkapi kemudahan elektrik, air dan telefon.

Pentadbiran jabatan dikaji

Meskipun kawasan itu disahkan sebagai tanah rizab Melayu ‘Lot 188’ oleh Pejabat Daerah Gombak, sehingga kini tiada usaha untuk merobohkan penempatan berkenaan.

Ekoran itu, kerajaan menubuhkan satu jawatankuasa khas yang dianggotai beberapa jabatan dan agensi berkaitan untuk menyasai secara menyeluruh pencerobohan itu.

Kerajaan Selangor juga dilaporkan menggariskan siasatan dan meminta Pejabat Tanah Daerah Gombak menyenaraikan nama dan status penduduk terbabit.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, kekurangan pegawai penguat kuasa adalah antara punca berlaku pencerobohan di kawasan tanah rizab Melayu.

“Tiada siapa yang boleh tentukan melainkan kita ada pegawai yang ramai yang boleh memerhatikan kerja ini,” katanya.

Dr. Mahathir menolak kemungkinan berlaku penyelewengan sehingga berlaku pencerobohan tersebut.

“Ini bukan selalunya rasuah. Orang kita kata rasuah. Kadang-kadang benda ini tumbuh sendiri. Kita memang boleh buat tuduhan tetapi perlu ada bukti,” jelasnya.

Kerajaan juga, tambahnya, sedang mengkaji untuk mempersempit beberapa prosedur supaya projek yang dirancang dapat dilaksanakan segera.

Kerana birokrasi legas beliau, menyebabkan peruntukan yang diberikan kerajaan gagal dibelanjakan untuk melaksanakan sesuatu projek pembangunan.

“Kita beri peruntukan RM100 juta tetapi tidak belanja. Bukan tidak mahu belanja tetapi prosedur memakan masa lama. Kadang-kadang hendak ambil tanah tunggu setahun. Jadi tidak belanjalah,” katanya.